
[BIL. 19 FEB 2019](#)

1,500 mahasiswa UMP banjir *Town Hall* Menteri Bel

Lebih 1,500 mahasiswa membanjiri Dewan Astaka Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang Belia dan Sukan, Yang Berhormat Syed Saddiq Syed Abdul Rahman bersama belia dan mahasiswa Instansi Pendidikan Tinggi Pahang pada 18 Februari 2019 yang lalu.

Mereka terdiri daripada mahasiswa, belia dan wakil persatuan sukan antaranya yang hadir daripada Widadipusat Belia dan Sukan Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS), Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS), Pahang Skills Development Centre Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kolej Universiti Yayasan Pahang (UCYP) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Hadir sama Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim, Ketua Pengarah Majlis Sukan dan Belia, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Pahang, Shansuhaimi Basir.

Menurut Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir, pihaknya mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Kebudayaan yang mendengar suara anak muda dalam kalangan mahasiswa yang buat julung kalinya di universiti ini.

“Pertemuan ini juga bakal memperkasa kepimpinan mahasiswa dan belia termasuk dalam pembangunan sukan dan belia,” katanya.

Pendekatan yang dimainkan semua pihak dalam membentuk golongan belia berketerampilan amat penting untuk masa depan,” katanya.

Dalam program ini, Wan Emril Nizam Wan Embong yang merupakan Presiden Majlis Belia Negeri Pahang turut hadir.

Syed Saddiq juga meluangkan masa lebih dua jam untuk memberi penerangan berkaitan dasar-dasar mahasiswa serta belia.

Perbincangan berkisarkan pandangan dan cadangan bagi menangani isu pembangunan sukan, kepimpinan hidup yang menjadi beban buat generasi muda.

Selain itu, Syed Saddiq turut mengumumkan peluang untuk generasi muda bekerja di luar negara bagi bekerjasama dengan negara Perancis.

Pengalaman ini pastinya dapat digunakan golongan muda untuk kembali menyumbang kepada pembangunan

UMP cipta kecemerlangan bersama industri, perkasa

Mendepani tahun 2019, Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus mengorak langkah mencipta kecemerlangan UMP menjadi Universiti Teknologi Terunggul.

Lebih 5,000 orang terdiri daripada warga UMP hadir untuk mendengar Amanat Tahunan 2019 oleh Naib Canselor Datuk Dr. Nasir Ibrahim yang bertemakan 'Meraikan Kejayaan Mendampingi Industri dan Menyuburi Keusahawanan' di UMP Kampus Gambang pada 19 Februari 2019 yang lalu.

Meraikan kejayaan Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir berkata, UMP adalah universiti pertama dalam kerdiaan berada pada kedudukan 188 terbaik di Asia dalam *QS University Ranking Asia: 2019* serta menempuh Pengajaran dan Pembelajaran dalam Sistem Penilaian *Quacquarelli Symonds (QS) Stars Rating 2018*.

“Pihak QS juga menyenaraikan subjek Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan di UMP dalam kelompok 2*.”

“Turut dibuktikan dengan pencapaian lima bintang dalam semua aspek penarafan termasuk Penilaian Penarafan Universiti dan Kolej Universiti (SETARA), Penarafan Pengumpulan Data Kementerian Pendidikan dan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti Jabatan Audit Negara,” ujar beliau.

Menurut Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir, pertukaran pengetahuan, pembangunan penyelidikan, aktiviti-aktiviti bakal menjadi agenda utama dalam memenuhi kehendak industri UMP.

“UMP juga akan turut memanfaatkan *Industry Network Alumni Platform (INAP)* sebagai suatu platform perhubungan berterusan UMP dalam memperkasa jaringan industri dan hubungan alumni.

“INAP merupakan sebuah inisiatif yang dicetuskan secara kolektif antara Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni sebagai *platform* buat alumni universiti ini yang berkhidmat di sektor awam (*networking*), berinteraksi dan memberi sumbangsaran atas kapasiti profesional mereka sebagai eksekutif dan sebagainya.

“Manakala bagi menyuburkan bidang keusahawanan, UMP akan memberi tumpuan terhadap Industri Kecil dan Teknousahawan yang unik dan membangunkan *International Incubator Network*,” katanya lagi.

Dalam menyahut seruan kerajaan untuk memperkasa ekosistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional, UMP bakal menawarkan enam program baharu Sarjana Muda Teknologi berkaitan kejuruteraan yang menasaskan institusi latihan kemahiran lain mulai tahun ini.

Bertepatan dengan tema menjana kegemilangan, UMP akan terus memfokuskan lima lonjakan strategik iaitu Kewangan, Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi, Keunggulan Jenama dan Kemampanan Sosioekonomi dan Masyarakat.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Mashitah Mohd Yusoff (Antarabangsa), Profesor Dr. Wan Azhar Wan Mohd Yusof, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Zainuddin dan Pengerusi Majlis Tindakan INAP, Amir Ashraf Hamzah.

Turut berlangsung pelancaran Polisi Hijau UMP dan Kempen *Let's Break Up with Single Use Plastic* iaitu menggalakan penggunaan plastik oleh warga kampus UMP yang akan menyaksikan UMP akan memberi tumpuan kepada aspek persekitaran dan bidang kesihatan persekitaran dengan memfokuskan kepada enam prinsip iaitu *Refuse, Reduce, Reuse, Recycle, Repair, and Refill*.

Pelbagai program telah dianjurkan oleh pihak Pusat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UMP untuk menguruskan secara lestari dalam meningkatkan kesedaran terhadap usaha ini.

UMP akan terus memperkasa bidang pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan yang bertaraf dunia dengan lebih kreatif juga inovatif berdasarkan lima bidang tujahan berkaitan kejuruteraan kimia, kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan elektrik, kejuruteraan komputer dan kejuruteraan pembuatan yang dapat memanfaatkan masyarakat di negara ini.

CITREX 2019 galak budaya inovasi dalam kalangan pe...

Pertandingan *Creation, Innovation, Technology & Research Exposition* (CITREX) 2019 yang masuk edisi ke-10, diadakan di Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai medan penggalakan dan penyuburan budaya inovasi dalam kalangan akademik mahu pun mahasiswa UMP.

CITREX 2019 ini turut melibatkan penyertaan rakan penyelidik dari tiga buah Universiti Awam (UA) dalam negeri, iaitu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Tun Hussein

Pertandingan dua hari ini telah diadakan pada 13 dan 14 Februari 2019 di Dewan Kompleks Sukan UMP Kuantan.

Pertandingan menyaksikan sebanyak 407 penyertaan diterima pada tahun ini yang merupakan peningkatan berbanding dengan tahun 2018.

Edisi CITREX kali ini juga melibatkan penyertaan sulung bagi kategori Sekolah Menengah.

Inisiatif ini mendukung aspirasi universiti untuk memasyarakatkan teknologi menerusi galakan terhadap pelajar (Reading – Engineering – Arts – Mathematics) dalam kalangan pelajar sekolah.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim, sebanyak 203 penyertaan memuatkan pelajar dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (MTUN), 173 penyertaan pelajar UMP dan 18 penyertaan pelajar Sekolah Kebangsaan Kecemerlangan, Sekolah Berasrama Penuh, Sekolah Menengah Teknik dan Maktab Rendah Sains MARA.

“UMP juga turut mempelawa pelajar sekolah untuk menyertai lebih banyak pertandingan termasuklah *Nation* dan Pahang *Fox Hunting* yang dijadualkan bakal berlangsung pada pertengahan tahun ini di UMP.

Begitu juga peluang terbuka buat penyelidik dalam kalangan staf akademik dan mahasiswa UMP serta untuk mengambil bahagian dalam *International Festival of Innovation on Green Technology* (iFINOG) yang ini, “ katanya yang hadir menyampaikan hadiah dan 13 anugerah khas terbaik kepada para pemenang.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato’ Dr. Mashitah Mohd Yusoff (Antarabangsa), Profesor Dr. Wan Azhar Wan Yusoff.

Pertandingan menyaksikan mahasiswa UMP, Nurul Jannah Baharuddin bersama penyelidik lain, P. Muhammad Zulhilmi Shamsul Amran, Edward Ang Sheng Hui dan Dr. Muchamaf Oktaviadri berjaya menjuarai Penyelidikan Terbaik (Kategori Pelajar) melalui kajian Seal Strength Tester Machine (SSTM) yang digunakannya untuk produk mempunyai kebocoran secara automatik.

Manakala pensyarah UMP, Nor Azhar Ahmad dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSP) menjuarai Penyelidikan Terbaik (Kategori Staf) dengan penghasilan Hee Doo (*Sensing Made Easy*) yang berfungsi untuk memeriksa kebocoran dengan menggunakan alat (device) yang lebih murah dan tepat berbanding produk lain di pasaran.

Lebih menariknya penyelidikan ini mampu untuk menganalisa keadaan kualiti udara dan akan memberikan maklumat mengenai menerusi aplikasi.

Ahli kumpulan terdiri daripada Dr. Rahmah Mokhtar, Fauziah Zainuddin, Roslina Abd Hamid, Amirul Husni, Mom Cin, Chia Zhen Hon dan Nazira Azman.

2 penyelidik UMP cipta Lampu LED tahan lebi

Dua penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) daripada Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) telah membangunkan Diod Pemancar Cahaya (LED) berkecayaan tinggi dikenali sebagai UMP USB LED Stick.

Penyelidikan ini mula dibangunkan pada tahun 2010 oleh Hisaji Noda dan Muhammad Ikram Mohd Rashid.

Ketua projek, Hisaji Noda yang berasal dari Fukuoka, Jepun berkata, idea penyelidikan ini bermula apabila dipasarkan mempunyai masalah dari jangka hayat dan dari segi haba yang dihasilkan oleh sistem LED tersebut.

“Disebabkan haba yang dihasilkan terlalu tinggi ini menyebabkan sistem tersebut tidak tahan lama.

“Berbanding *UMP USB LED Stick* yang mampu bertahan sehingga 16 jam penggunaan dan tidak panas, panas ini akan menyebabkan lampu itu mudah rosak.

“Sememangnya lambakan lampu LED di pasaran namun ianya mudah panas dan mampu bertahan sekitar 10,000 jam.

Selain itu juga, katanya, produk *UMP USB LED Stick* ini direka agar mudah digunakan dan dibawa.

“Bagi penggunaannya pengguna hanya perlu mengenakan USB ke power bank untuk menghidupkan sistem tersebut.

“Produk ini mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh peniaga pasar malam, pengembara, dan sumber cahaya pada waktu malam. Alat ini senang untuk dibawa ke mana sahaja dan tidak memerlukan sumber tenaga.

“Bagi perancangan akan datang, sistem LED yang dibangunkan ini akan dipasarkan dalam beberapa projek lampu hiasan dan lampu limpah,” ujar beliau lagi.

Manakala Mohammad Ikram pula berkata, projek ini dibiayai oleh geran daripada Perbadanan Pembangunan dan Kerjasama syarikat MHK Technologies Sdn. Bhd. yang mana syarikat ini akan memasarkan produk *UMP USB LED Stick*.

“Pengguna boleh mendapatkan produk ini dengan harga RM250 seunit yang mengandungi dua unit LED SMD.

“Produk ini turut mendapat pengiktirafan dari dalam dan luar negara dalam pertandingan reka cipta antara lain Inovasi dan Inovasi (CITREX 2010), pameran Penyelidikan Antarabangsa (ITEX' 15) dan Seoul International Invention Exhibition (SIIEX).

“Pada masa yang sama, produk ini turut diuji di kampus UMP Pekan dan didapati bertahan selama 16 jam pengujian dilakukan,” ujar beliau.

Beliau mengharapkan dengan sistem LED yang dibangunkan ini boleh menyelesaikan masalah sistem sumber cahaya di kawasan yang tidak mempunyai sumber tenaga elektrik.

-
- 140 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

